

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN ICU TAHUN 2019**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) yang telah diterima untuk diuruskan Kerajaan Negeri bagi tahun 2019?
  
- b) Nyatakan pembahagian kepada daerah dan penggunaannya.

**JAWAPAN:**

a dan b dijawab bersekali )

ICU JPM telah menyediakan peruntukan projek Mesra Rakyat (PMR) untuk dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen. Siling peruntukan PMR bagi setiap kawasan Parlimen yang diwakili Kerajaan Persekutuan ialah RM2.0 juta. Peruntukan ini adalah berkuatkuasa mulai 15 Februari 2019.

Peruntukan PMR adalah di bawah Peruntukan Pembangunan makanya hendaklah dibelanjakan dalam tahun semasa. YB Ahli Parlimen hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pembangunan Persekututan Negeri Selangor. Pelaksana bagi PMR adalah berdasarkan penentuan oleh YB Ahli Parlimen dengan merujuk kepada perbincangan bersama PDT bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya kelak.

Penggunaan peruntukan PMR adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas di kawasan Parlimen mengikut keperluan setempat;
- ii. Pelengkap kepada rancangan pembangunan semasa; dan
- iii. Meningkatkan dan memantapkan pembangunan sosioekonomi di kawasan Parlimen berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA PKM**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perlantikan pekerja di bawah Dewan Negeri mempunyai potongan kumpulan wang simpanan pekerja.
  
- b) Bagaimana dengan potongan PERKESO?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Kertas EXCO MTES 2/20/2013 yang dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21/2013 bertarikh 24 Julai 2013 dan disahkan pada MMKN Ke 22/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah bersetuju gaji Petugas Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dinaikkan daripada RM1,164.00/ sebulan kepada RM 2,000.00/ sebulan termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti petugas PKM yang membantu menyelaraskan aktiviti Y.B. Ahli Dewan Negeri (ADN) di peringkat akar umbi.
  
- b) Cadangan berhubung pelaksanaan potongan PERKESO bagi kakitangan PKM yang merupakan antara cadangan untuk menambahbaik kebajikan pekerja PKM sedang dikaji buat masa ini dan akan diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup?
- b) Apakah usahasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Ketidaktentuan ekonomi global kini dilihat menjadi antara penyebab utama kenaikan kos sara hidup. Menyedari kos sara hidup yang tinggi dan masih membebani hidup rakyat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”. Selangor bukan sahaja penyumbang utama kepada KDNK negara, malah sentiasa terkehadapan dan menjadi peneraju dalam kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan inisiatif-inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih di dalam kitaran kemiskinan. Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringkankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Program IPR yang telah menjadi sanubari kepada rakyat Selangor akan terus diperkukuh dan dipelbagaikan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat Selangor terus maju dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Program-program IPR sedia ada seperti program HIJRAH, Bantuan Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Kasih Ibu *Smart* Selangor dan pelbagai lagi diyakini dapat terus berdiri menjadi paksi dalam mengimbangi pertumbuhan sosial dan ekonomi. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri ini telah memperlihatkan keberkesanan yang amat positif dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat di Negeri Selangor.

- b) Antara salah satu usaha kerjasama yang sedang dilaksanakan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu penganjuran Program Desa Lestari yang merupakan satu inisiatif di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi secara berk komuniti melalui platform koperasi.

Kerajaan Negeri akan terus melihat program-program sedia ada untuk diselaras dan ditambahbaik dengan kerjasama dan penglibatan Kementerian/ Jabatan/ Agensi di peringkat Persekutuan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai lagi. Ini adalah bagi membolehkan semua program dan inisiatif pemberdayaan dan pengupayaan sosio ekonomi negeri ini dapat diperkukuh dan dipelbagai dalam memastikan ianya berimpak tinggi dan dapat memberikan kesan langsung terhadap kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : ANAK-ANAK TERBIAR TIADA PENGENALAN DIRI**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu anak-anak ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak diutamakan. Bagi kes kanak-kanak yang terbiar dan tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga, kanak-kanak akan diselamatkan oleh pihak Jabatan melalui peruntukan di bawah Seksyen 17, Akta Kanak-Kanak 2001. Pihak JKJ akan membuat permohonan pendaftaran kelahiran kanak-kanak kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sekiranya mereka tidak mempunyai sijil kelahiran.

Bagi kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa atau penjaga, permohonan pendaftaran kelahiran kanak-kanak hendaklah dibuat oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak berkenaan kepada pihak JPN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah program air percuma akan dilaksanakan?
- b) Bagaimanakah kita mengenal pasti golongan B40 yang berlayak menerima air percuma?
- c) Sekiranya program ini menggunakan sistem E-Kasih, bagaimanakah ia dilaksanakan semasa E-Kasih masih mengalami masalah teknikal untuk mengenal pasti golongan B40 di negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 123), Yang Berhormat Kota Anggerik (Soalan No. 173), Yang Berhormat Templer (Soalan No.179), Yang Berhormat Balakong (Soalan No. 225) dan Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 270).

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu memang telah dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 dan masih berjalan seperti sedia kala. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-

- (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
- (ii) Penjajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak 25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;
- (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
- (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
- (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Bermula dari 01 Julai 2019, Program Pemberian Air Percuma ini hanya akan diberikan khusus kepada golongan sasar dalam kumpulan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih. Golongan pendapatan isi rumah B40 adalah merujuk kepada pendapatan isi rumah bulanan di bawah RM6,180.00 (bagi Negeri Selangor) berdasarkan kepada rekod Penyiasatan Pendapatan Isi rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kumpulan isi rumah B40 juga termasuk isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016, Kementerian Ekonomi Malaysia (MEA), iaitu nilai PGK nasional adalah RM980.00 sebulan.

E-Kasih adalah satu pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mana semua Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sebulan adalah digalakkan mendaftar. Data E-Kasih ini merangkumi profil individu, program/bantuan yang

diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.

Di dalam melaksanakan penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Melalui semakan awal, dianggarkan terdapat 13,000 nama yang layak untuk mendapat manfaat di bawah Program ini.

Bagi nama-nama yang tidak ada dalam E-Kasih, semakan akan dibuat menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Mengikut rekod BSH data tahun 2018, dianggarkan seramai 400,000 nama layak mendapat manfaat Program Pemberian Air Percuma ini, namun padanan data akan dilaksanakan dengan rekod akaun pengebilan di Air Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri memohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar dengan EKasih dan LHDN bagi memastikan mereka boleh secara automatik menikmati Program Air Percuma ini.

Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan data bank bagi penerima IPR ini melalui sistem *Smart IPR* untuk memastikan semua penerima yang layak menerima insentif IPR ini tidak dipinggirkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROJEK PKNS PENYEBAB BANJIR**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan yang perlu dipatuhi oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor seperti PKNS agar mematuhi peraturan dan syarat di dalam laporan EIA sebelum melaksanakan projek pembangunan terutamanya untuk mengatasi masalah banjir?

**JAWAPAN:**

- a) Semua pemaju, termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pemajuan yang selamat dan lestari berpandukan undang-undang, Rancangan Tempatan, garis panduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Laporan EIA yang dikemukakan oleh pemaju dalam sesuatu pemajuan di peringkat permohonan KM di semak oleh Jabatan Alam Sekitar. Syarat-syarat yang diberi kepada pemaju di letakkan pada kelulusan KM dalam Borang C1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI LANG, DUN SUNGAI AIR TAWAR**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan baki kawasan di Sungai Lang, Sungai Air Tawar.

**JAWAPAN:**

- a) Sungai Lang telah dikenalpasti sebagai salah satu Zon Sasaran Pembangunan dan Pelaburan (ZSPP) Daerah Sabak Bernam. Pembangunan komersial ini akan melengkapi komponen pembangunan yang dicadangkan dalam Hab Industri Agro Sabak (HIAS). Ia juga untyuk memenuhi keperluan para penduduk, pelancong, para pelajar dan tenaga pengajar di institusi berhampiran, disamping sebagai tarikan pelancongan ke kawasan Sungai Lang. Terdapat satu cadangan pembangunan bercampur (Pelancongan, perniagaan dan perumahan) dari pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) seluas 579 ekar di kawasan Sungai Lang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PERPUSTAKAAN DESA**

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan perpustakaan desa yang ada di Negeri Selangor? Sila nyatakan mengikut daerah apakah syarat-syarat untuk memohon
  
- b) Berapakah bilangan perpustakaan di wujudkan dibandar terutamanya kawasan perumahan B40? Adakah Kerajaan Negeri memberikan peruntukkan untuk mengadakan perpustakaan di tempat seperti ini?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan perpustakaan desa yang ada di Negeri Selangor
  - 1.0 Sebanyak 71 buah Perpustakaan Desa di Negeri Selangor. Dengan 55 Buah Perpustakaan di bawah pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). dan 16 Buah Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia.

Daerah	Kategori Perpustakaan						Jumlah
	Pusat	Daerah	Cawangan	Pekan	Desa	Bergerak	
Petaling	1	-	-	3	3	7	14
Klang	-	1	1	1	4	-	7
Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
Kuala Selangor	-	1	1	1	11	-	14
Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
Hulu Langat	-	1	1	3	7	-	12
Hulu Selangor	-	1	-	1	7	-	9
Gombak	-	1	1	-	2	-	4
Sepang	-	-	-	1	6	-	7
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>12</b>	<b>71</b>	<b>9</b>	<b>104</b>

#### 1.1 Syarat-syarat memohon perpustakaan baharu:

- 1.1.1 Sekiranya perpustakaan itu dibina di atas tanah, maka status tanah mestilah jelas dan boleh diwartakan atas nama PPAS.
- 1.1.2 Sekiranya perpustakaan itu diwujudkan di dalam bangunan sedia ada, premis perpustakaan tersebut mesti diserahkan kepada PPAS.
- 1.1.3 Berikut ialah spesifikasi standard keluasan dan populasi penduduk bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh **Perpustakaan Negara Malaysia**, yang boleh digunakan sebagai panduan untuk memohon perpustakaan.

BIL	JENIS PERPUSTAKAAN	CADANGAN KELUASAN MINIMUM		POPULASI PENDUDUK
		MPS	KPS	ORANG
1.	Perpustakaan Negeri	11,152	120,000	500,001 ke atas
2.	Perpustakaan Daerah	5,576	60,000	100,001-500,000
3.	Perpustakaan Cawangan	2,137	23,000	50,001-100,000

4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)	1,394	15,000	10,001-50,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)	139-465	1,500 – 5,000	7,001-10,000
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)	112-139	1,204 -1,500	1,000-7,000
5.	Perpustakaan Desa A	139	1,500	3,001-7,000
	Perpustakaan Desa B	121	1,300	1,001-3,000
	Perpustakaan Desa C	93	1,000	300-1,000

Sumber : *Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Negara Malaysia*

b)

- 1.1 Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai rakyat yang berpendapatan rendah atau golongan B40 di kawasan bandar yang memiliki akses terhadap kepada kemudahan awam.
- 1.2 PPAS telah mula menyediakan Perpustakaan di kawasan B40 pada tahun 2010 bermula dengan Perpustakaan Komuniti Sri Manja, Petaling Jaya, Perpustakaan Komuniti Sri Perantau, Klang, Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung, Hulu Selangor, Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Ampang, Perpustakaan Awam Selangor Taman Mawar, Cheras dan PPAS @ PJKita Community Library, Kg. Lindungan. Sehingga kini, daripada 104 buah perpustakaan, 6 daripadanya telah diwujudkan di kawasan perumahan B40.
- 1.3 Pada tahun 2016, dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11), Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan sejumlah RM 450,000 bagi membina baru bangunan perpustakaan dan RM 200,000 untuk kelengkapan dan koleksi buku setiap tahun.
- 1.4 Pada tahun 2016 dengan usahasama dengan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk membina perpustakaan berkonsep kontena yang pertama di Negeri Selangor, iaitu PPAS @ PJKita Community Library di PJS 6, Kampung

Lindungan Petaling Jaya di bawah DUN Seri Setia. Projek ini juga turut mendapat kerjasama penuh daripada komuniti penduduk setempat yang terlibat semasa proses perancangan melalui program “Community Engagement” yang dilaksanakan oleh EPIC Communities (*Extraordinary People Impacting Community*). Input penduduk setempat diambil kira dalam menyediakan landskap dan aktiviti luaran perpustakaan. Perpustakaan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan sehingga kini pengunjung telah mencapai 5,329 orang bagi tempoh 6 bulan (Ogos 2018-Februari 2019).

- 1.5 Selain itu, pihak PPAS telah mendapat kelulusan untuk membina sebuah perpustakaan yang juga menggunakan konsep kontena di Puchong Indah, Puchong dengan usahasama pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), ianya sangat strategik kerana dikelilingi dewan, surau, tapak pasar pagi dan pasar malam di bawah DUN Kinrara, bersempadan dengan DUN Sri Serdang. Secara tidak langsung, perpustakaan ini nanti akan memberi manfaat kepada penduduk di kedua-dua kawasan ini.
- 1.6 Bagi pembangunan perpustakaan dikawasan B40 seterusnya, lokasi yang dikenal pasti adalah di kawasan Lembah Subang. Pihak Kerajaan Negeri berharap lebih banyak lagi projek pembangunan perpustakaan dilaksanakan dikawasan B40 bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat.
- 1.7 Selain daripada pembinaan perpustakaan, PPAS juga menyediakan perkhidmatan perpustakaan bergerak bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2016, Empat 4 buah *#SmartSelangor Mobile Library* – Selangor BEST telah diwujudkan. Ianya merupakan sinergi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) & PPAS melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar sebanyak sebanyak RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta).
- 1.8 Tiga 3 buah lagi *#SmartSelangor Mobile Library* adalah dibawah seliaan PPAS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM750,000 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Lima Puluh Ribu).
- 1.9 Tujuh 7 buah perpustakaan bergerak ini beroperasi di 80 lokasi melibatkan tujuh 7 daerah di pangsapuri-pangsapuri kos rendah, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Felda. Pemilihan lokasi bagi 7 buah perpustakaan bergerak adalah ditentukan oleh pihak LPHS sendiri, dengan bantuan Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body (JMB)* dikawasan B40.

Lampiran :

Senarai Perpustakaan Desa Di Negeri Selangor

<b>PERPUSTAKAAN DESA</b>	
<b>DAERAH PETALING</b>	
1	Perpustakaan Desa Kuang
2	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Pelong
3	Perpustakaan Desa Kubu Gajah
<b>DAERAH KLANG</b>	
1	Perpustakaan Komuniti Sri Perantau
2	Perpustakaan Desa Meru
3	Perpustakaan Desa Pulau Indah
4	Perpustakaan Desa Bukit Kapar
<b>DAERAH KUALA LANGAT</b>	
1	Perpustakaan Desa Jenjarom
2	Perpustakaan Desa Olak Lempit
3	Perpustakaan Desa Sri Jugra
4	Perpustakaan Desa Kg Endah
5	Perpustakaan Desa Sijangkang
6	Perpustakaan Desa Ladang Batu
7	Perpustakaan Desa Batu Laut
8	Perpustakaan Desa Sg Kelambu
9	Perpustakaan Desa Kg Morib
<b>DAERAH KUALA SELANGOR</b>	
1	Perpustakaan Desa Parit Mahang
2	Perpustakaan Desa Ijok
3	Perpustakaan Desa Sg. Gulang-Gulang
4	Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya
5	Perpustakaan Desa Bukit Badong
6	Perpustakaan Desa Jeram
7	Perpustakaan Desa Assam Jawa
8	Perpustakaan Desa Puncak Alam
9	Perpustakaan Desa Estet Tunku Abdul Rahman
10	Perpustakaan Desa Bukit Kerayong
11	Perpustakaan Desa Sg Sireh

**DAERAH SABAK BERNAM**

- |    |                                      |
|----|--------------------------------------|
| 1  | Perpustakaan Desa Parit Baru         |
| 2  | Perpustakaan Desa Binjai Jaya        |
| 3  | Perpustakaan Desa Parit 14           |
| 4  | Perpustakaan Desa Parit 8            |
| 5  | Perpustakaan Desa Bagan Terap        |
| 6  | Perpustakaan Desa Bagan Nakhoda Omar |
| 7  | Perpustakaan Desa Pasir Panjang      |
| 8  | Perpustakaan Desa Sg. Air Tawar      |
| 9  | Perpustakaan Desa Batu 2, Sepintas   |
| 10 | Perpustakaan Desa Kg. Banting        |
| 11 | Perpustakaan Desa Sg. Apong          |
| 12 | Perpustakaan Desa Tebuk Berihun      |
| 13 | Perpustakaan Desa Taman Muhibbah     |
| 14 | Perpustakaan Desa Batu 4 Sepintas    |
| 15 | Perpustakaan Desa Batu 38            |
| 16 | Perpustakaan Desa Simpang Lima       |
| 17 | Perpustakaan Desa Tebuk Mufrad       |
| 18 | Perpustakaan Desa Tebuk Pulaui       |
| 19 | Perpustakaan Desa Parit 6            |
| 20 | Perpustakaan Desa Parit 11           |
| 21 | Perpustakaan Desa Parit 7            |
| 22 | Perpustakaan Desa Taman Setia Jaya   |

**DAERAH HULU LANGAT**

- |   |  |
|---|--|
| 1 | Perpustakaan Desa Lembah Jaya          |
| 2 | Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat |
| 3 | Perpustakaan Desa Taman Mawar          |
| 4 | Perpustakaan Desa Beranang             |
| 5 | Perpustakaan Desa Kg. Pandan           |
| 6 | Perpustakaan Desa Kg. Melayu Ampang    |
| 7 | Perpustakaan Desa Mahkota              |

**DAERAH HULU SELANGOR**

- |   |                                       |
|---|---------------------------------------|
| 1 | Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung |
| 2 | Perpustakaan Desa Sg. Selisik         |
| 3 | Perpustakaan Desa Sg. Choh            |
| 4 | Perpustakaan Desa Sg. Masin           |
| 5 | Perpustakaan Desa Kerling             |
| 6 | Perpustakaan Desa Kalumpang           |



7	Perpustakaan Desa Kg Serigala
<b>DAERAH GOMBAK</b>	
1	Perpustakaan Desa Al-Syakirin
2	Perpustakaan Desa Kg Kemensah
<b>DAERAH SEPANG</b>	
1	Perpustakaan Desa Bukit Bangkong
2	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab
3	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir
4	Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali
5	Perpustakaan Desa Bagan Lalang
6	Perpustakaan Desa Kg Hulu Chuchoh

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : SMART KILANG TANPA KEBENARAN 2.0 (KTK2.0)**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor akan mengetengahkan Program Smart Kilang Tanpa Kebenaran 2.0 (KTK2.0) mulai suku ketiga tahun 2019?
- b) Apakah perbezaan yang paling ketara antara KTK2.0 berbanding dengan versi KTK yang sebelumnya?
- c) Apakah kelebihan KTK2.0 berbanding dengan KTK1.0?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor telah tamat pada 31 Disember 2015 dan Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak mengetengahkan Program Smart Kilang Tanpa Kebenaran 2.0 (KTK 2.0). Walaubagaimanapun, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 dan disahkan oleh MMKN ke 6/2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah bersetuju untuk meneruskan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran seperti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini. MMKN bersetuju agar satu tempoh masa yang terhad sahaja diberikan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENCAPAIAN SELCAT**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan tindakan menyemak keupayaan, akauntabiliti dan ketelusan jabatan-jabatan kerajaan, nyatakan bilangan siasatan, pendengaran awam dan kes-kes terlibat yang telah dijalankan oleh SELCAT sejak 2008.

**JAWAPAN:**

- a) SELCAT diwujudkan adalah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan dan bukti-bukti terhadap sesuatu kes yang menjadi isu kepada rakyat dan negeri. SELCAT bukanlah sebuah mahkamah yang boleh menjatuhkan hukuman kepada jabatan/agensi yang terlibat. Sehubungan itu, sejak tahun 2008 terdapat enam (6) isu yang telah dibentangkan secara pendengaran tertutup dan 14 isu yang dibentangkan secara pendengaran terbuka. Senarai pembentangan adalah seperti berikut:-

**Pendengaran Tertutup**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>TARIKH</b>
1	Cadangan Kerja-kerja Mereka bentuk, Membina, Dan Menaik taraf Kemas Dinding Luar Yang Terdiri Dari Tower Block, Auditorium Dan Podium Bangunan Wisma MBSA Seksyen 14, Shah Alam Untuk MBSA	19 November 2011
2	Isu Kualiti Air Lombong Untuk Kegunaan Rakyat Selangor	7 Ogos 2014

3	Salah Guna Kuasa Dalam Pemberian Tanah Di Kg Sg Yu	27 November 2012
4	Taklimat daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Berhubung Aduan Pengubahan Status Tanah di Lot 68054, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor seluas 619 hektar (1,529.58 ekar)	11 Oktober 2016
5	Penjelasan Berhubung Pertanyaan-Pertanyaan Mulut / Bertulis Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Yang Masih Belum Dijawab	1 Mac 2016
6	Projek Taman Air Manis, Panchang Bedena, Sabak Bernam	15 Februari 2019

## Pendengaran Terbuka

<b>BIL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>TARIKH</b>
1.	Berhubung Isu Balkis	23 Mac – 27 Mac & 30 Mac – 1 April 2009
2.	Peruntukan Wang ADUN	8 September – 14 September 2009
3.	Sambungan - Peruntukan Wang ADUN	26 Januari – 29 Januari & 1 – 2 Februari 2010
4.	Siasatan Ke Atas Urus Niaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	- 2 Jun – 4 Jun 2010 - 5 Mac 2012
5.	Pembangunan Tapak Perkuburan (Bukan Islam) Tanpa Kebenaran Di Seksyen U14, Bukit Raja, Daerah Petaling	1 September 2010
6.	Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor	6 Mac 2012
7.	Perolehan, Penggunaan Dan Pulangan Pinjaman RM90.3 Juta Oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn Bhd) Daripada Kementerian Kewangan)	7 Mac 2012
8.	Kejadian Banjir Di Hulu Langat Dan Klang Selatan	16 April 2012
9.	Permohonan Pembangunan Tanah Padang PKNS Di Kelana Jaya Dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2)	27 – 28 Jun & 5 Julai 2012

BIL	TAJUK	TARIKH
10.	Perbelanjaan Bajet 2012 Dan 2013 Bagi Pengurusan Tebatan Banjir Oleh Jabatan Pengairan Negeri Selangor	20 – 21 Februari 2014
11.	Strategi Pemulihan Pengurusan PKNS – Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i>	25 – 26 Mac 2014
12.	Pemantauan Dan Penyelenggaraan Flat PPR Negeri Selangor	3 Mac 2015
13.	Pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011	27 Januari 2015
14.	Wabak Denggi Di Negeri Selangor	23 Februari 2016

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : STATUS PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM DI KAMPUNG SEKENDI**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pusat penyembelihan ayam yang pernah dicadangkan dahulu di persimpangan Kampung Sekendi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan projek tersebut?
- c) Jika tidak, apakah langkah proaktif kerajaan untuk membangunkan kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) akan menyerahkan projek pusat penyembelihan ayam kepada pihak jkr untuk tujuan pelan pembangunan seterusnya. peruntukan telah diturunkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) melalui Kerajaan Negeri sebanyak RM 9 juta.
- b) Akan diteruskan, peruntukan telah diturunkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterin.
- c) -

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : EAST COAST RAIL LINE (ECRL)**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang projek ECRL?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenalpasti stesen-stesen yang bakal dibangunkan di Selangor?
- c) Apakah status pembinaan stesen ECRL di Gombak?

**JAWAPAN:**

(a), (b), dan (c) dijawab bersekali;

Pada masa ini, tiada sebarang ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri berhubung pelaksanaan projek East Coast Rail Link (ECRL) kerana masih ditangguhkan untuk semakan dan kajian semula pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan termasuk mengenalpasti kedudukan stesen-stesen yang bakal dibangunkan.

Sekiranya projek ini diputuskan untuk diteruskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan, pihak Malaysia Rail Link (MRL) atau yang dilantik sebagai pemaju projek perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada sebarang perkembangan berkaitan pembinaan stesen ECRL di Gombak sehingga perkara ini dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Persekutuan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : LESEN MINUMAN KERAS**

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat ramai peniaga minuman keras tidak dapat diperbaharui tahun ini. Akan tetapi ulasan surat hanya "DITOLAK". Ini melibatkan banyak agensi duduk dalam lembaga. Bolehkah lembaga bagi sebab-sebab ditolak semasa membalas secara bertulis?

**JAWAPAN:**

- a) Mesyuarat Lembaga Pelesenan Minuman Keras Daerah Klang yang diadakan empat (4) kali setahun turut dihadiri oleh jabatan teknikal iaitu Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Kesihatan Daerah Klang. Semasa mesyuarat diadakan, ulasan jabatan teknikal merupakan asas utama yang dirujuk sebelum sebarang pertimbangan kelulusan diputuskan oleh Lembaga.

Di antara faktor-faktor penolakan ialah :-

- i. Tidak menjelaskan tunggakan cukai kastam;
- ii. Lokasi premis yang tidak sesuai seperti bukan di kawasan Zon Hiburan, berhampiran rumah ibadat, sekolah, kawasan perumahan dan lain-lain;
- iii. Pemohon/premis berkaitan terlibat dalam kes jenayah;
- iv. Tidak mematuhi Peraturan-peraturan Makanan 1985 seperti tiada label amaran, tiada pengasingan minuman halal dan minuman keras dan sebagainya.

Aktas Eksais 1976 tidak mensyaratkan pihak Lembaga Pelesenan untuk menyatakan sebab-sebab penolakan. Walau bagaimanapun pemohon boleh mendapatkan sebab-sebab penolakan tersebut secara langsung daripada Urusetia Pelesenan Minuman Keras Daerah Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : ISU-ISU BERKAITAN AGAMA**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor bertindak menangani isu-isu yang boleh menggugat keyakinan umat Islam seperti LGBT, pemikiran liberal dan isu-isu berkaitan Agama Islam?

**JAWAPAN:**

- a) Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Islam di Selangor untuk menangani isu-isu yang boleh menggugat keyakinan umat Islam antaranya menerusi:-

**1. Jabatan Agama Islam Selangor**

1.1 Proses pendidikan berterusan;

Memastikan pendidikan yang berteraskan agama Islam bermula dari Pra Sekolah, sekolah rendah, menengah, IPT dan masyarakat awam.

1.2 Proses pemahaman dan pendedahan;

Melalui program-program dakwah seperti seminar, forum, konvensyen dan lain-lain. Pelaksanaan direalisasikan bersama dengan agensi-agensi awam dan swasta, NGO-i, institusi masjid dan IPTA/IPTS.

1.3 Proses penguatkuasaan undang-undang;

Sepanjang tahun 2018 hingga Februari 2019 isu-isu yang boleh menggugat keyakinan umat Islam seperti LGBT, pemikiran liberal dan isu-isu berkaitan Agama Islam antaranya seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Seksyen Kesalahan (Rujuk Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 1995)</b>	<b>Jumlah Aduan</b>	<b>Jumlah Tangkapan</b>
1.	Sek. 4, Pemujaan salah	3	3
2.	Sek. 7, Doktrin palsu	4	1
3.	Sek. 9, Mempersendakan ayat al-Quran	1	-
4.	Sek. 10, Menghina atau menyebabkan dipandang hina dll agama Islam	16	16
5.	Sek. 12, Menghina pihak berkuasa agama	7	14
6.	Sek. 13, Pendapat yang bertentangan dengan fatwa	8	-
7.	Sek. 16, Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syara	4	-
8.	Sek. 27, Hubungan jenis antara orang yang sama jantina	2	-
9.	Sek. 30, Lelaki berlagak seperti perempuan	3	1

#### 1.4 Proses pemulihan;

Melaksanakan program-program kerohanian, kesedaran dan bimbingan berterusan. Pihak MAIS juga mewujudkan rumah-rumah perlindungan khas untuk membantu memulihkan golongan-golongan yang terlibat.

#### 1.5 Menerbitkan khutbah yang berkaitan dengan isu-isu semasa yang boleh meningkatkan kesedaran umat islam tentang tanggungjawab mereka terhadap diri, keluarga dan negara.

## 2. Jabatan Mufti Negeri Selangor:

2.1 Mengeluarkan fatwa berkaitan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang mengugut akidah atau keyakinan umat Islam.

2.2 Melaksanakan program-program penerangan dan hebahan fatwa berkaitan liberalisme antaranya menerusi:-

- i. Program Bicara Fatwa
- ii. Mesra Ummah Bersama Jabatan Mufti
- iii. Hebahan Fatwa melalui SMS, akhbar, Billboard dan laman web

### 3. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

- 3.1 Melalui Bahagian Pemulihan Al Riqab telah melaksanakan program-program dalam bertindak menangani isu-isu yang menggugat keyakinan umat Islam di Negeri Selangor seperti Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) serta isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam.
- 3.2 Pada tahun 2018, MAIS telah melaksanakan **lapan (8) buah program** besar yang merangkumi Program Ziarah Mahabbah (Lawatan), Program Penghayatan Islam dan Program Tautan Mahabbah. MAIS juga telah melaksanakan **14 kali penyiaran artikel** berbentuk menangani isu-isu semasa berkaitan dengan agama Islam di akhbar **Sinar Harian**. Antara tajuk yang diketengahkan ialah Memahami Liberalisme, Soal Jawab Riqab, Bahaya Ancaman Pemikiran Moden dan Kepentingan Mendaulatkan Institusi Agama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PEKAN SUNGAI AIR TAWAR**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan Pekan Sungai Air Tawar untuk menjadi pekan moden?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan telah menyediakan cadangan pembangunan Pekan-pekan kecil termasuk Pekan Sungai Air Tawar di Daerah Sabak Bernam. Pelan Cadangan pembangunan yang disediakan telah mengambilkira rekabentuk susun atur bangunan yang lebih sistematik dengan penyediaan TLK yang mencukupi dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan. Permohonan pewartaan tanah kerajaan bagi tujuan di atas telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah & Tanah Sabak Bernam pada 25 September 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : TABUNG BENCANA ALAM**

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu tabung bencana alam khas untuk mangsa ribut dan puting beliung?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan dua (2) jenis akaun amanah iaitu Tabung Bencana Khas Negeri Selangor yang diurussetiakan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan Tabung Amanah Bencana Alam yang diurussetiakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Selain itu, di sembilan (9) daerah melalui Pejabat Daerah / Tanah telah diwujudkan Tabung Bencana Daerah dengan peruntukan yang disalurkan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dengan peruntukan nilai maksimum sejumlah RM50,000.00 dimana setiap tabung tersebut mempunyai had pengeluaran melalui Kad Debit *Auto-Teller Machine* (ATM) berjumlah RM10,000.00 bertujuan untuk memastikan proses penyampaian sumbangan kepada mangsa bencana dapat dilaksanakan dengan kadar segera

Kadar bantuan kewangan bagi mangsa bencana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir a. Banjir b. Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	500.00 250.00 (kadar maksimum setahun)
2.	Mangsa kebakaran a. Musnah keseluruhan b. Musnah sebahagian	500.00 250.00
3.	Mangsa tanah runtuh dan ribut	500.00
4.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	1,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : GANTIAN POKOK YANG DITEBANG**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan bilangan pokok yang ditebang oleh MBPJ pada 2018 dan bilangan pokok gantian yang di tanam?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pokok yang ditebang pada tahun 2018 sebanyak 1,025 pokok dan bilang pokok yang ditaman semula sebanyak 2,865 pokok



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : GUDANG EXHIBIT JAIS**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skop utama Gudang Exhibit JAIS di dalam memperkasakan Halal Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Gudang exhibit adalah bertujuan bagi menyimpan barangan sitaan hasil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Gudang Ekshibit ini juga adalah bagi memenuhi prosedur dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan dan digariskan di dalam Arahan Kerja dan SOP Penyimpanan Ekshibit untuk tindakan pembuktian dan pendakwaan di makhamah.

Pengendalian barangan ekshibit ini adalah tertakluk di bawah Aturan 28 Kaedah 14 & 15 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, Seksyen 406A-408 Kanun Prosedur Jenayah dan Pekeliling Pendaftar No. (A) 1/1983.

Gudang Ekshibit Bahagian Pengurusan Halal, JAIS merupakan salah satu lambang integriti pihak berkuasa berwibawa iaitu MAIS dan JAIS dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan halal di Negeri Selangor dan seterusnya memartabatkan industri halal di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : STATUS BANGUNAN ILJAS, KAMPUNG SUNGAI TEGAR**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bangunan milik Kerajaan Negeri Selangor ILJAS di Kampung Sungai Tengar yang terbiar tanpa sebarang aktiviti?
  
- b) Adakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengaktifkannya?

**JAWAPAN:**

- a) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) memantau keadaan Bangunan ILJAS secara berkala dan mendapati bahawa masih berlaku mendapan tanah yang mengakibatkan pergerakan struktur bangunan serta terdapat isu keselamatan sekiranya Bangunan ILJAS terus digunapakai sebelum kerja-kerja baik pulih dilaksanakan.
  
- b) Melalui Laporan Pemeriksaan Forensik oleh Cawangan Kejuruteraan Geoteknik Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, BKP dengan kerjasama JKR Selangor sedang dalam proses untuk mengenalpasti tindakan selanjutnya bagi memastikan Bangunan ILJAS dapat dioperasikan semula dengan selamat.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROGRAM BANTUAN PERALATAN NELAYAN DAN AKUAKULTUR  
NEGERI SELANGOR**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih meneruskan program tersebut?
- b) Berapakah jumlah peruntukan dan bilangan pemohon yang telah menerima manfaat sejak tahun 2014?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri komited dalam membantu para nelayan untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi mereka. Justeru itu, Program Bantuan Peralatan Nelayan dan Akuakultur di Negeri Selangor masih diteruskan dengan penglibatan Jabatan Perikanan Negeri Selangor dan Lembaga Kemajuan Ikan Negeri Selangor bagi mengenalpasti para nelayan yang benar-benar layak untuk menerima bantuan tersebut mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- b) Jumlah peruntukan dan bilangan permohonan yang berjaya sejak tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN</b>
<b>1.</b>	<b>2014</b>	<b>552</b>	<b>561,000</b>
<b>2.</b>	<b>2015</b>	<b>168</b>	<b>1,207,600</b>
<b>3.</b>	<b>2016</b>	<b>467</b>	<b>500,000</b>
<b>4.</b>	<b>2017</b>	<b>347</b>	<b>672,650</b>
<b>5.</b>	<b>2018</b>	<b>13</b>	<b>275,000</b>
		<b>1,547</b>	<b>3,216,250</b>